

kualiti terbaik

Cukup matang, kelihatan segar, bersih dan bebas dari sebarang kecacatan dan kerosakan fizikal.



kualiti yang diterima pasaran

Cukup matang, kelihatan segar dan bersih. Terdapat kecacatan yang minimum dan bebas dari sebarang kerosakan fizikal.



X kualiti yang tidak dikehendaki pasaran

Kacang Buncis yang mengalami kecacatan dan rosak.

■ Tidak cukup matang, tidak segar, kotor dan terdapat kecacatan yang teruk.



■ Rosak disebabkan oleh haiwan perasak, penyakit dan kecederaan mekanikal yang boleh menjejaskan jangka hayat, pemakanan dan kualiti.



Siri Panduan **KUALITI**
KACANG BUNCIS



KACANG BUNCIS (*Phaseolus vulgaris* L.)

merupakan sayuran jenis kekacang dan sangat kaya dengan kandungan protein dan dipercayai berasal dari Amerika Tengah. Kawasan penanaman utama di Malaysia ialah di negeri Johor, Melaka dan Utara Semenanjung.

Dua varieti yang disyorkan untuk ditanam ialah MBK1 dan MBK2 kerana mendapat permintaan yang baik di pasaran, sesuai ditanam di pelbagai jenis tanah di negara ini termasuk tanah gambut, BRIS dan tanah bekas lombong disamping sesuai dengan iklim di Malaysia dengan suhu 25°-35°C dan taburan hujan lebih kurang 168 mm sebulan.

kepentingan kualiti

Perubahan gaya hidup dan kehendak pengguna masa kini meningkatkan cabaran kepada pengeluar hasil pertanian untuk mengeluarkan produk yang bukan sahaja menepati kehendak dari aspek fizikal dan citarasa, malah juga selamat untuk dimakan. Selain dibungkus dengan sempurna, hasil pertanian perlu bebas dari sisa baki racun perosak dan memenuhi tahap kualiti fizikal yang dikehendaki pasaran.


Untuk mencapai tahap kualiti ini, Kacang Buncis perlu dikendalikan dengan sebaiknya bermula dari amalan ladang, pengendalian lepas tuai hingga ke peringkat pemasaran. Penuaian perlu dilakukan pada tahap kematangan yang optimum yang kebiasaannya 6-7 minggu selepas penanaman di mana lenggai berwarna hijau muda, biji kacang masih kecil dan tidak begitu nyata bentuknya. Penuaian digalakkan dilakukan pada sebelah pagi atau lewat petang bagi mengelakkan kecederaan akibat suhu siang yang tinggi. Kualiti Kacang Buncis dapat dikekalkan sehingga 1-2 minggu jika disimpan pada suhu 5-10°C dengan kadar kelembapan relatif 90-95%.

indeks kematangan

Tahap kematangan Kacang Buncis dibahagikan kepada tiga (3) Indeks berikut :



Indeks 1
Belum Matang.
Permukaan kulit Kacang Buncis berwarna hijau muda atau hijau mengikut varieti. Lenggainya tidak berserat, berotot lembut dan mudah dipatahkan. Biji kacangnya belum terbentuk dengan sempurna.



Indeks 2
Matang.
Permukaan kulit Kacang Buncis berwarna hijau muda atau hijau mengikut varieti. Lenggainya tidak berserat, berotot lembut dan mudah dipatahkan. Biji kacangnya muda, lembut dan bentuk biji mulai kelihatan. Sesuai untuk dituai.



Indeks 3
Permukaan kulit Kacang Buncis berwarna hijau tua. Lenggainya telah menjadi berserat dan berotot kuat, liat dan tidak mudah dipatahkan. Saiznya agak besar, biji kacangnya telah tua dan bentuk biji kelihatan terbanjal. Tidak digalakkan untuk dipasarkan.

pengelasan gred

Kacang Buncis dikelaskan kepada tiga (3) gred, bergantung kepada ciri-ciri gred berikut :

Gred	Spesifikasi	Kelongsoran (Maksimum)
Premium	Kacang Buncis dalam kelas ini mestilah daripada varieti yang sama, warna yang seragam, matang (muda dan lembut), segar dan bersih. Ia juga mestilah bebas dari kecacatan atau kerosakan	Kematangan ≤5% Segar ≤5% Rosak ≤5% Kecacatan ≤5% Keeragaman saiz ≤5%
1	Kacang Buncis dalam kelas ini mestilah daripada varieti yang sama, warna yang seragam, matang (muda dan lembut), segar dan bersih. Ia juga mestilah bebas dari kecacatan atau kerosakan	Kematangan ≤5% Segar ≤5% Rosak ≤10% Kecacatan ≤10% Keeragaman saiz ≤10%
2	Kacang Buncis dalam kelas ini mestilah daripada varieti yang sama, warna yang seragam, matang (muda dan lembut), segar dan bersih. Ia juga mestilah bebas dari kecacatan atau kerosakan	Kematangan ≤10% Segar ≤10% Rosak ≤10% Kecacatan ≤10% Keeragaman saiz ≤10%

pengelasan saiz

Pengelasan saiz Kacang Buncis ditentukan oleh panjang kacang dalam unit sentimeter (sm) sepertimana berikut :

Saiz	Kod	Panjang (sm)
Besar	L	>15
Sedang	M	>10 – 15
Kecil	S	7 - 10